

PENGURUSAN JENAZAH ORANG ISLAM DI HOSPITAL MESRA IBADAH: AMALAN DI HOSPITAL MESRA IBADAH KETIKA MENGHADAPI SITUASI PANDEMIK.

SITI RASHIDAH ABD RAZAK

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)

Tel: +6019-2827304 E-mel: sitirashidah@kuis.edu.my

KAMAL EAZZAT MAT ISA

Jabatan Pengurusan Korporat, Pusat Perubatan Universiti Malaya

ABSTRAK

Pematuhan kepada tatacara operasi standard (SOP) ketika menghadapi wabak adalah satu ketetapan. Hal ini tidak terkecuali kepada urusan pengurusan jenazah. Antara SOP yang ditetapkan adalah mengelak sentuhan secara fizikal, memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter, memakai pelitup muka dan beberapa SOP yang lain. Pemuatan SOP ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada aktiviti pengurusan jenazah di hospital mesra ibadah. Justeru penulisan ini bertujuan mengkaji kesan pemuatan SOP kepada aktiviti pengurusan jenazah di hospital mesra ibadah. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan reka bentuk etnografi dengan pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian. Data juga disokong dengan temu bual dan sumber perpustakaan. Sampel kajian terdiri daripada peserta kajian yang diambil secara rawak dalam kalangan petugas pengurusan jenazah. Dapatan menunjukkan terdapat beberapa kesan kerana pemuatan SOP ini, antaranya ialah risiko keselamatan petugas kerana masa yang suntuk diberikan untuk hadir mengurus jenazah, kesukaran mendapatkan petugas segera terutama jika waris menghubungi petugas pada lewat malam dan pengurusan jenazah dilewatkan kerana melalui beberapa prosedur tambahan berikutan pemuatan kepada SOP. Hasil dapatan memberi beberapa cadangan sebagai solusi kepada petugas serta waris demi menyempurnakan tuntutan fardu kifayah ini.

Kata kunci: Pengurusan jenazah, hospital mesra ibadah, prosedur, proses, tatacara operasi standard (SOP), covid-19

PENDAHULUAN

Kematian adalah suatu perkara yang pasti. Setiap yang bernyawa pasti akan menghadapiya. Firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ
الْعُرُورِ (١٨٥)

Maksudnya:

Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.

(Ali Imran: 185)

Berdasarkan ayat tersebut satu ketetapan yang pasti tentang setiap yang bernyawa ialah akan menghadapi kematian.

Islam menetapkan apabila seseorang orang Muslim meninggal dunia, maka ia merupakan fardu kifayah kepada orang yang masih hidup untuk menguruskan jenazahnya. Fardu kifayah bermaksud perkara yang wajib dilaksanakan oleh sebahagian anggota masyarakat untuk menjaga kepentingan seluruh umat Islam. Jika tidak ada sesiapa yang melaksanakannya, maka

semua anggota masyarakat berdosa. (Mustafa al Khin Mustafa al Bugha, 2009). Tuntutan menguruskan jenazah terbahagi kepada empat perkara iaitu memandikan, mengkafankan, solatkan dan menguburkan jenazah. Keempat-empat perkara tersebut wajib dilakukan melainkan sekiranya jenazah tersebut mati syahid di mana jenazah tersebut hanya perlu dikafan dan kebumikan sahaja haram dimandi dan disolatkan.

Kajian ini meninjau amalan pengurusan jenazah orang Islam di hospital mesra ibadah semasa menghadapi situasi pandemik.

Latar Belakang Kajian

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Malaysia 2020-21, yang juga disebut sebagai PKP atau MCO (movement control order), merujuk kepada tindakan pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan Malaysia terhadap wabak koronavirus (COVID-19) mulai 18 Mac 2020. Perintah kawalan pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 tersebut telah mengubah kehidupan dan seluruh dunia berhadapan dengan pelbagai norma baharu. Antara perkara yang dilihat terkesan adalah tentang hal ehwal pengurusan jenazah orang Islam. Penulisan ini menumpukan amalan pengurusan jenazah orang Islam semasa menghadapi situasi pandemik di hospital mesra ibadah.

Objektif Kajian

1. Memahami maksud hospital mesra ibadah.
2. Mengenalpasti elemen utama di hospital mesra ibadah.
3. Mengkaji amalan pengurusan jenazah orang Islam di hospital mesra ibadah ketika menghadapi situasi pandemik.

Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan memberi pengenalan umum kepada masyarakat awam tentang hospital mesra ibadah. Selain itu, penulisan turut memperkenalkan elemen utama hospital mesra ibadah. Penulisan ini turut mengenalpasti amalan dan situasi yang berlaku dalam pengurusan jenazah orang Islam di hospital mesra ibadah sepanjang menghadapi situasi pandemik. Justeru ia dapat memberi pengetahuan kepada orang awam tentang hal ini selain memberi sokongan dan sumbangsaran kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Metodologi Kajian

Metode yang digunakan dalam penulisan ini adalah berdasarkan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan fenomenologi. Kaedah pengumpulan data ialah melalui temu bual separa struktur dan analisis dokumen. Pemilihan sampel adalah berdasarkan 3 orang petugas yang terlibat dalam pengurusan jenazah di hospital mesra ibadah. Manakala analisis dokumen pula merujuk kepada bahan bercetak dan digital yang diperolehi berkaitan perkara yang dikaji.

Dapatan Kajian

Pengenalan Konsep Hospital Mesra Ibadah.

Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) telah dipelopori oleh Konsortium Hospital Islam Malaysia (KHIM) sejak tahun 1996 di Hospital Al-Islam Kampung Baru, Kuala Lumpur. Pada 2010, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah mengadaptasi konsep tersebut di beberapa hospital kerajaan. Pada bulan Oktober 2014, KKM secara rasmi telah

mengadakan pelancaran konsep Hospital Mesra Ibadah di Hospital Sungai Buloh oleh Ketua Pengarah Kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia sejak 2013 iaitu Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah untuk dilaksanakan di semua hospital kerajaan.

KKM bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan beberapa produk bagi merealisasikan pelaksanaan konsep ini seperti melancarkan poster dan buku panduan wudu dan tayammum, poster dan buku panduan solat untuk pesakit, video panduan wudu, tayammum dan solat untuk pesakit, sarana dan fasiliti ibadah, azan dan peringatan waktu solat, arah kiblat di semua ruangan hospital, penempatan pegawai agama yang bertugas di hospital, orientasi dan latihan kepada perawat dan tenaga medik lain untuk membantu pesakit beribadah dan lain-lain. Hospital ini sebagai sebuah hospital pendidikan turut terbabit dalam paradigma baharu di dalam bidang perubatan ini. (Siti Rashidah dan Kamal Eazzat, 2018).

Pada tahun 2022, sebanyak 10 hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima pengiktirafan sebagai Hospital Mesra Ibadah (HMI) kerana menyediakan fasiliti serta khidmat bimbingan untuk pesakit menunaikan ibadah ketika menerima rawatan. Hospital berkenaan ialah Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu; Hospital Serdang dan Hospital Shah Alam di Selangor; Hospital Taiping dan Hospital Teluk Intan di Perak, Hospital Sultanah Bahiyah di Kedah; Hospital Pulau Pinang; Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat dan Hospital Pontian, Johor serta Institut Kanser Negara di Putrajaya. (Berita Harian, 2022).

Selain daripada hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdahulu beberapa hospital swasta dan pusat perubatan yang telah menerapkan elemen mesra ibadah dalam operasi hospital dan pusat perubatan kendalian mereka.

Antara elemen-elemen penting yang perlu ada pada hospital mesra ibadah adalah seperti yang berikut:

- 1) Pengamal Perubatan,
- 2) latihan-latihan, persekitaran,
- 3) perkakasan untuk membantu pesakit,
- 4) hak pesakit dan Persendirian (sulit) dan
- 5) keperluan yang istimewa. (2022).

Dalam penulisan ini, pengkaji menjelaskan salah satu daripada cabang mesra ibadah iaitu menyediakan khidmat pengurusan jenazah bagi waris yang memerlukan.

Amalan Pengurusan Jenazah Orang Islam di HMI Sebelum Menghadapi Pandemik.


Sepanjang kajian dan pemerhatian, pengkaji mendapati sebahagian pihak HMI mempunyai dokumen kualiti seperti Prosedur Kualiti Pengurusan Jenazah dan garis panduan penggunaan kenderaan jenazah. Terdapat juga sebahagian HMI yang mempunyai dokumen tersebut tetapi cuma bersifat dalaman dan bukan untuk hebahan awam. Dokumentasi sama ada berbentuk digital atau bercetak wajar mengambil contoh Pekeliling Perbendaharaan 1993 dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan Prosedur Penggunaan Van Jenazah. Selain itu, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar Universiti Awam yang boleh dijadikan panduan. (Nazaruddin Zainun et. all 2018).

Selain itu, garis panduan pengurusan jenazah orang Islam di Hospital Serdang boleh diakses secara dalam talian(2022). Ini bukan hanya dapat memberi panduan kepada para kakitangan, bahkan panduan kepada waris si mati.

Bagi HMI yang tidak meletakkan tatacara pengurusan jenazah di laman sesawang rasmi, terdapat pihak HMI yang meletakkan tatacara umum di papan kenyataan setiap wad dan di bahagian trauma dan kecemasan untuk dipanjangkan kepada pihak berkaitan sekiranya berlaku kematian.(Siti Rashidah dan Kamal Eazzat,2019).

Syarat Dan Prosedur Jenazah Diuruskan

Syarat asas bagi satu-satu jenazah orang Islam boleh diuruskan oleh pasukan pengurusan jenazah hospital ialah kes kematian yang berlaku di dalam hospital sahaja Secara amnya, keadaan jenazah dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori pertama jenazah biasa iaitu jenazah yang meninggal kerana sakit dan kategori kedua ialah jenazah uzur iaitu jenazah yang meninggal dunia akibat penyakit berjangkit seperti HIV dan jenazah uzur lain seperti jenazah yang ditemui terbakar, mati lemas dan tidak cukup sifat serta bersifat sensitif untuk diuruskan. (Pasukan Pengurusan Jenazah,2019).



Rajah 1: Pengurusan Jenazah Orang Islam Mengikut Kategori Jenazah(Siti Rashidah ,2019).

Kategori Jenazah dan Prosedur Urusan

Di salah sebuah HMI yang dikaji, jenazah orang Islam boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah jenazah yang meninggal dunia atas sebab penyakit

biasa atau meninggal dunia semasa menerima rawatan. Bagi jenazah kategori ini jenazah akan diuruskan sepenuhnya di bilik pengurusan jenazah. Manakala bagi kategori yang kedua iaitu jenazah yang meninggal dunia disebabkan penyakit berjangkit atau jenazah uzur akan diuruskan sepenuhnya di bilik pengurusan jenazah, Jabatan Patologi Forensik bagi mengelak jangkitan dan melindungi aib si mati dan waris. (Pasukan Pengurusan Jenazah,2019).

Hal ini bersesuaian dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

(Surah Al Isra' :70)

Penghormatan Islam terhadap manusia bukan sekadar ketika hidupnya malahan ia tetap wajib mendapat penghormatan yang selayaknya selepas kematiannya.(Japar bin Maidin, 2003). Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al- Bukhari bahawa Rasulullah SAW berdiri apabila mayat seorang Yahudi melintasi Baginda. Lalu salah seorang sahabat berkata dengan kehairanan: “Sesungguhnya jenazah itu jenazah orang Yahudi”. Maka Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya:

Bukankah jenazah Yahudi itu jiwa(manusia) juga?

Perkhidmatan Pengurusan Jenazah:

Skop perkhidmatan pengurusan jenazah di HMI merangkumi pengendalian proses seperti yang berikut:

- 1) Mandi jenazah
- 2) Kafan
- 3) Solat
- 4) Penyediaan van jenazah

Bagi urusan pengkebumian, ia dikendalikan sepenuhnya oleh keluarga si mati. Pihak surau akan membantu sekiranya terdapat permintaan atau keperluan. Semakan statistik pengurusan jenazah di HMI 1 misalnya, dari Tahun 2017 -2018 menunjukkan purata kes yang dikendalikan adalah sebanyak 30 kes sebulan bersamaan satu kes sehari.(Pasukan Pengurusan Jenazah 2019.)

- 1) Mandi jenazah dan kafan

Mandi Jenazah merupakan perkhidmatan pertama yang dilakukan oleh pasukan pengurusan jenazah. Bagi jenazah kategori pertama jenazah akan dibawa ke bilik pengurusan jenazah manakala bagi jenazah kategori kedua jenazah akan dimandi serta diurus sepenuhnya bilik mayat.

- 2) Solat

Sekiranya jenazah tersebut dalam kategori yang pertama, jenazah akan disolatkan di ruang solat utama. Manakala jenazah dari kategori yang kedua jenazah akan disolatkan di bilik pengurusan jenazah, Jabatan Patologi Forensik selepas diuruskan.

- 3) Perkhidmatan Kenderaan: Van Jenazah.

Sekiranya terdapat permohonan, pemandu dari bahagian kenderaan akan mengambil jenazah dari bilik mayat untuk dibawa ke bilik pengurusan jenazah dengan menggunakan kenderaan

hospital. Sekiranya kes melibatkan saudara baharu atau jenazah tanpa waris, Seksyen Hal Ehwal Islam akan berurusan dengan jabatan agama Islam yang terdekat seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) atau Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Berdasarkan rekod, Seksyen Hal Ehwal Islam telah bekerjasama dengan Unit Kebajikan Islam JAWI secara langsung dalam pengurusan jenazah tidak berwaris. Di samping itu, Unit Kebajikan JAWI juga sedia untuk menguruskan jenazah berwaris yang tidak berkemampuan untuk menguruskan jenazah. Selain itu Unit Kebajikan Islam JAWI juga bertanggungjawab di dalam menguruskan pentadbiran dan operasi Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah KL- Karak dan Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah, Bukit Kiara. (e-pusara, 2019)

Bagi waris yang memerlukan kenderaan atau van jenazah, pihak petugas pengurusan jenazah akan berurusan dengan pihak pengurusan kenderaan. Kadar caj semasa yang telah ditetapkan bagi kawasan Lembah Klang atau kurang dari 30 kilometer adalah RM30 dan waris dikehendaki membayar deposit sebanyak RM30. Bagi jarak yang melebihi 30 kilometer, caj yang dikenakan ialah RM1 per kilometer (kadar sehalu). (Pasukan Pengurusan Jenazah, 2019).


Caj Urusan Jenazah

Mutakhir ini kita sering dikejutkan dengan kegiatan “ulat jenazah” iaitu terdapat pihak ketiga yang cuba mengambil kesempatan di hospital dengan menawarkan kos pengurusan jenazah yang amat tinggi. HMI adalah hospital yang agresif mengekang kegiatan golongan ulat jenazah. Semenjak 2015, semua urusan jenazah bagi umat Islam di hospital terbabit diselenggara sendiri Jabatan Hal Ehwal Islam PPUM yang terdiri daripada kakitangan terlatih. (Izzati Rizan, 2022).

Kadar caj mandi dan kafan jenazah dewasa di HMI pada waktu pejabat ialah RM500, manakala caj di luar waktu pejabat pula RM650. Urusan bayaran dilakukan secara manual di mana pihak surau atau ketua jurumandi bertugas mengeluarkan resit kepada pihak waris. Caj tersebut meliputi urusan mandi, mengkafankan dan menyolatkan jenazah. Caj yang dikenakan juga berbeza mengikut kategori masing-masing iaitu dewasa, kanak-kanak bawah 12 tahun, bayi dan anggota badan. (Fail Pasukan Pengurusan Jenazah, 2019).

Proses Urusan Jenazah di HMI

Apabila berlaku kematian di wad, pihak wad atau waris sendiri akan memaklumkan kepada pihak pasukan pengurusan jenazah untuk bersiap sedia menguruskan jenazah. Setelah urusan keluar wad oleh waris dilakukan, jenazah akan dibawa ke Jabatan Patologi Forensik. Pihak pasukan pengurusan jenazah juga menguruskan jenazah yang telah selesai dibedah siasat di Jabatan Patologi Forensik Waris akan mengisi borang dan menjelaskan bayaran. Setelah itu jenazah akan diuruskan oleh jurumandi yang meliputi urusan mandi, kafan dan solat. Sekiranya jenazah terdiri daripada staf, urusan kenderaan jenazah akan diurus sepenuhnya oleh HMI. Manakala bagi jenazah bukan staf kenderaan jenazah hanya ditawarkan berserta caj semasa yang telah ditetapkan jika kenderaan jenazah ada. Bagi jenazah yang tidak berwaris atau saudara baharu tanpa waris dan penjaga, pihak pengurusan jenazah akan membuat permohonan ke Unit Kebajikan Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk diuruskan. (e-pusara, 2022).



Rajah 2: Carta Aliran Urusan Jenazah Orang Islam di salah sebuah HMI

Kelebihan Pengurusan Jenazah Orang Islam di HMI

Tidak semua hospital menyediakan perkhidmatan urusan jenazah. Berbeza di HMI, ia menawarkan perkhidmatan urusan jenazah orang Islam. Bermula 1 Oktober 2019 urusan

jenazah orang Islam di sebuah HMI diuruskan di bawah seliaan Jawatankuasa Pengurusan Jenazah Orang Islam yang berpusat di surau utama HMI berbanding sebelumnya adalah di bawah seliaan Seksyen Hal Ehwal Islam.

1) Pasukan Pengurusan Jenazah

Kewujudan pasukan pengurusan jenazah orang Islam di hospital adalah satu keperluan kerana urusan pengurusan jenazah adalah tuntutan fardu kifayah dan ia perlu disegerakan. Selain jurumandi, banyak pihak lain yang terlibat dalam proses urusan jenazah termasuk pihak pengurusan surau melalui Jawatan Kuasa Pengurusan Jenazah Orang Islam dan pemandu van jenazah.

2) Persediaan Bilik Pengurusan Jenazah

Satu peringkat renovasi lagi sedang dijalankan dengan turut menempatkan pejabat urusan jenazah di situ selain bilik untuk urusan mandi dan tempat menyimpan kelengkapan pengurusan jenazah.

Bilik pengurusan jenazah yang sedia ada dilengkapi dengan tempat mandi jenazah serta pili dan getah saliran. Selain itu terdapat troli bagi menempatkan jenazah untuk dikafankan. Selain itu terdapat almari menempatkan bahan asas urusan jenazah seperti air mawar, kapas, kain angkat jenazah, kain kafan serta peralatan seperti sarung tangan, topeng muka, cecair peluntur dan lain-lain. Pihak pasukan pengurusan jenazah akan membuat permohonan kepada pihak surau bagi urusan pembelian barang keperluan dari pembekal sedia ada.

Kekangan Urusan Jenazah Orang Islam di Hospital Mesra Ibadah.

1) Persediaan Jurumandi atau Imam

a) Ilmu dan pengalaman

Setiap jurumandi atau imam memerlukan persediaan. Antara persediaan utama sebagai juru mandi adalah persediaan ilmu. Jurumandi mestilah telah mengikuti kursus pengurusan jenazah secara teori dan amali. Rata-rata ahli pasukan pengurusan jenazah di HMI adalah mereka yang telah menghadiri kursus dan telah mengendalikan kes sekurang-kurangnya 5 tahun dan lebih. Selain persediaan ilmu secara teori dan amali, jurumandi juga perlu memastikan tahap kesihatan mereka berada dalam keadaan baik. Sekiranya jurumandi mempunyai sebarang kecederaan seperti di tangannya, atau mengalami masalah kesihatan, mereka tidak akan bertugas. Ini bagi mengelak sebarang jangkitan terhadapnya sekiranya menguruskan jenazah terutama jika melibatkan kes jenazah uzur dan berpenyakit.

b) Kekangan Staf

Di HMI ini terdapat dua pasukan urusan jenazah masing-masing satu bagi pasukan lelaki dan satu bagi pasukan wanita. Setiap pasukan terdiri daripada 15 orang. Masalah kekangan staf bagi menguruskan jenazah ialah terdapat kepentingan tugas hakiki dan pelepasan masa oleh Ketua Jabatan atau Ketua Unit masing-masing. Pihak pasukan ini juga terdiri dalam kalangan pesara yang tidak sentiasa berada dalam kawasan. Terdahulu pasukan sukarelawan pernah diambil dalam kalangan penuntut, tetapi atas kekangan jadual perkuliahan dan lain-lain ia memberi kesan kepada kehadiran mereka dalam membantu mengendalikan kes.

c) Kekangan Kenderaan Jenazah dan Pemandu.

Di HMI 1 misalnya hanya terdapat dua buah van jenazah. Jika salah satu van dihantar untuk urusan servis, hanya sebuah van yang dapat digunakan untuk tujuan urusan jenazah. Sekiranya terdapat kes yang memerlukan jenazah dibawa luar dari Lembah Klang, dua orang pemandu diperlukan. Jika kes berlaku di luar waktu pejabat pula, bayaran tuntutan lebih masa pemandu adalah di bawah tanggungan HMI.

Hal ini turut berlaku di HMI 2 di mana melalui laman sesawang rasminya, HMI 2 turut menghadapi kekangan yang sama dari sudut kekangan kenderaan jenazah serta pemandu.

d) Keselamatan petugas

Keselamatan petugas adalah salah satu risiko yang dibangkitkan oleh ahli pasukan. Ini berikutan masa yang suntuk diberikan untuk hadir mengurus jenazah dan ini boleh menyebabkan kemalangan. Selain itu kesukaran bagi mendapatkan petugas terutamanya jika waris menghubungi petugas ketika lewat malam. (Pasukan Pengurusan Jenazah, 2022). Ahli pasukan pengurusan jenazah juga berdepan risiko sebarang jangkitan daripada mayat yang diuruskan, oleh itu sebagai Langkah pencegahan bagi jenazah penyakit berjangkit kelengkapan dan pakaian khas digunakan sepanjang mengurus jenazah manakala jenazah yang terbukti positif Covid tidak akan diuruskan oleh petugas dari pasukan ini.

Pengurusan Jenazah Ketika Pandemik Covid-19.

Apabila pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia termasuk Malaysia, beberapa keadaan telah berubah. Di HMI 1 misalnya, urusan pengurusan jenazah Covid tidak dilakukan oleh pasukan pengurusan jenazah dalaman, tetapi jenazah Covid akan diuruskan oleh pasukan terlatih dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Sementara jenazah bukan Covid masih terbuka untuk diuruskan oleh pasukan pengurusan jenazah HMI dengan menggunakan Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (Pasukan Pengurusan Jenazah, 2022).

Di HMI 1, mana-mana jenazah yang meninggal dunia di luar HMI atau meninggal dalam perjalanan dibawa ke hospital atau dikenali sebagai *broad in death* (BID) perlu melalui prosedur ujian Covid. Petugas perlu memakai kelengkapan seperti apron, pelitup muka dan sarung tangan semasa urusan jenazah. Jika jenazah penyakit berjangkit (bukan Covid) petugas perlu memakai pakaian khas bagi mengelak sebarang jangkitan. Jika jenazah muslim yang terbukti positif Covid, jenazah akan diurus oleh pihak berkuasa agama atau wakil hospital yang diberi kuasa mengurus. (Pasukan Pengurusan Jenazah, 2022).

Selepas negara beralih ke fasa endemik April 2022, prosedur untuk pengurusan jenazah bukan Covid masih sama. Ujian Covid perlu dilakukan sekiranya kematian berlaku di luar atau di bahagian trauma yang melibatkan jenazah meninggal semasa dalam perjalanan dibawa ke hospital atau *broad in death* (BID). Manakala mana-mana jenazah yang terbukti positif Covid akan diuruskan oleh petugas khas dari Jabatan Agama Islam Wilayah persekutuan (JAWI). Sekiranya ada keperluan bedah siasat, prosedur hanya akan dijalankan selepas ujian pengesanan virus korona (RTK) dijalankan dan bedah siasat akan dijalankan selepas jenazah didapati negatif. Sepanjang kajian, pengkaji mendapati sebahagian waris serta orang awam tidak memahami kebolehhjangkitan cecair yang keluar dari tubuh jenazah adalah tinggi. Terdapat pihak waris yang cuba memujuk serta mendesak supaya ujian pengesanan jangkitan kovid diulang bagi mendapatkan keputusan negatif. Keadaan ini disebabkan pihak waris si mati ingin memberi peluang lebih ramai pihak menguruskan dan menziarahi jenazah seperti jenazah bukan kovid. Walaubagaimanapun terdapat kes di mana pihak waris dinasihatkan oleh pihak petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya boleh menziarahi pusara selepas 30 minit kawasan perkuburan disembur dengan cecair pembasmi kuman yang ditetapkan. Pada keadaan tersebut pihak HMI tidak terlibat atau bertanggungjawab atas apa-apa risiko yang diambil oleh waris si mati.

Rumusan dan Cadangan

Kajian mendapati, orang awam perlu diberi pendedahan tentang fungsi dan tatacara pengurusan jenazah orang Islam di HMI. Hal ini bagi mengelak berlakunya salah faham dan campur tangan pihak ketiga seperti “ulat jenazah” yang cuba mengambil kesempatan atas kesempitan orang lain. Sepanjang tempoh pandemik, kekangan mempercepatkan urusan pengurusan jenazah adalah suatu keadaan biasa. Keadaan ini berlarutan sehingga negara memasuki fasa endemik. Ini berikutan pihak HMI terikat dengan norma baharu di mana jenazah perlu melalui prosedur ujian pengesahan bagi memastikan jenazah bebas daripada jangkitan virus korona. Apabila orang awam tidak mendapat maklumat yang tepat pelbagai kemungkinan boleh berlaku dan menimbulkan salah faham. Pihak pengurusan HMI juga perlu mengkaji kekangan berkaitan pengurusan jenazah orang Islam seperti kekurangan van jenazah serta kekangan yang dihadapi oleh pihak petugas seperti kekangan tugas hakiki di pejabat, masa yang perlu diambil untuk sampai ke HMI jika kematian berlaku selepas waktu pejabat serta risiko jangkitan dan keselamatan petugas sepanjang perjalanan untuk mengurus kes atau ketika mengendalikan satu-satu kes terutamanya kes berisiko jangkitan dan berprofil tinggi.

Rujukan

- Al Qur'an dan terjemahan , Quran in Word Ver 1.2.0 Mohamad Taufiq, capaian pada 1 Oktober 2019.
al-Nawawiy 2000, 1:322 tt
HR. Bukhari 1315 & dan Muslim 944
HR al-Baihaqi: (8689)
HR. Muslim, no. 2162
<https://hserdang.moh.gov.my/index.php/ms/hidden-menu/362-hospital-mesra-ibadah>
<https://www.sinarharian.com.my/article/222265/berita/nasional/10-hospital-kkm-diiktiraf-mesra-ibadah>
Izzati Rizan, <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/05/844695/jangan-jadi-orang-tengah>, capaian pada 31 Mei 2022.
Japar bin Maidin(2003).Bedah Siasat (Post-Mortem)Mayat: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Syarak dalam prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003,(halaman 319-333) Penerbit: Fakulti Syariah, Fakulti Pengajian Islam,Universiti Kebangsaan Malaysia
Muhammad bin Isma'il Al-Amir Ash-Shan'ani. Subul As-Salam Al-Muwshilah ila Bulugh Al-Maram. (Tahun 1432 H). Jilid 8: (halaman 131-137).Cetakan kedua.Penerbit Dar Ibnul Jauzi.
Mustafa al- Khin Mustafa al Bugha(2009).al- Fiqh al- Manhaji Mazhab al Syafie, Hukum -hukum Berkaitan Jenazah (halaman 328).Cetakan Pertama: Jilid 1 Bangi: Darul Syakir Enterprise.
Nazaruddin Zainun et. all, (2018). Garis Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar Universiti Awam. Cetakan Pertama:Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia.
Siti Rashidah dan Kamal Eazzat,(2018). Hospital Mesra Ibadah: Fungsi Surau Di Hospital

Sebagai Pusat Memasyarakatkan Masjid Dan Memasjidkan Masyarakat: Satu Sorotan Di Surau Ad Deeniah Pusat Perubatan Universiti Malaya, Bab Dalam Buku Kesepaduan Sosiobudaya Dalam Kepelbagaian Masyarakat Majmuk, Penerbit KUIS. Unit Kebajikan JAWI <http://www.epusara.jawi.gov.my/epusara/webV5/content/76> capaian pada 10 Oktober 2019